

RIAK BAHASA, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam. Dikelolakan oleh Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa. Diterbitkan dua keluaran setiap tahun mulai Januari–Jun dan Julai–Disember. Mengandungi berita kebahasaan untuk dikongsikan kepada semua pembaca.

# رياق بهاس

## Riak Bahasa

جمادى الأولى - ذوالقعدة 1427  
 JUN–DISEMBER 2006 Bilangan 3

<b>Pengerusi</b> Hanafiah Awang Haji Zaini
<b>Sidang Editor</b> Anuar Jaya Datin Hajah Kamisah Haji Rahmat Haji Alipudin Haji Omarkandi Hajah Saddiah Ramli Hajah Rosni Awang Haji Salleh
<b>Setiausaha</b> Mauludiah Haji Md. Yusof
<b>Penolong Setiausaha</b> Suria Haji Taweh
<b>Ahli</b> Awangku Ashwadol Bahri Pengiran Yaakub Hajah Surinah Haji Nordin Md. Norsah Shahrul Mazlan
<b>Ketua Penerbitan, Media dan Estetika</b> Haji Zainal Arifin BPKDP Haji Sirat
<b>Ketua Seni Lukis dan Reka Bentuk</b> Abdul Malek Haji Metarsat
<b>Penyelaras Reka Bentuk</b> Sait Haji Jali
<b>Penyelaras Cawangan Atur Huruf</b> Hajah Siti Aminah Haji Md. Tahir Hajah Ramlah Haji Abd. Rahman Hajah Norfulziah Haji Ismail

### KANDUNGAN

Wacana Editor .....	iii
Kata Pemerl 'ialah' dan 'adalah' dalam Bahasa Melayu .....	1
Bentuk Huruf dan Cara Penulisan Huruf-huruf Jawi .....	4
Senarai Istilah: Teknologi Maklumat: Masyarakat, Pengurusan dan Aplikasi .....	6
Kenali Bahasa Melayu Brunei .....	9
Senarai Perkataan Bahasa Dalam .....	11
Kata Ulang/Kata Ganda .....	13
Pengenalan Ringkas: <i>Kamus Bahasa Melayu Nusantara</i> .....	18
Khidmat <i>Kamus Bahasa Melayu Nusantara</i> : Makna Bahasa dan Jenis-jenisnya .....	20
Penjodoh Bilangan .....	22
Borang Cadangan .....	24

*Diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Lapangan Terbang Lama  
Berakas BB3510  
Negara Brunei Darussalam*

*© Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2007*

*Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.*

*Dicetak oleh  
Perdagangan dan Percetakan Bintang Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam*

# بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## Wacana Editor

**Dirgahayu** ertinya (mudah-mudahan) lanjut usia, berumur panjang (biasanya ditujukan kepada raja, negara, atau organisasi yang sedang memperingati hari jadi (*Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, muka surat 617). Perkataan dirgahayu sering kita lihat tertulis pada kain-kain rentang yang digantung di setiap kedai dan bangunan di seluruh negara ketika menjelangnya setiap bulan Julai. Apakah signifikansi dan keistimewaan bulan ini, setentunya seluruh rakyat negara ini telah tahu bahawa setiap menjelangnya 15 Julai merupakan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, iaitu Sultan Brunei yang ke-29.

Perkataan dirgahayu tergolong dalam kelompok bahasa Dalam, iaitu bahasa kehormatan yang digunakan di istana. Di samping itu bahasa Dalam mempunyai ciri-ciri bahasa halus yang mencerminkan ketinggian dan kemajalisan sesuatu perkataan itu ketika dituturkan, lebih lembut, dan sopan. Bahasa Dalam juga merupakan bahasa warisan turun-temurun yang tidak digunakan oleh golongan biasa, mempunyai keunikan, dan kias yang amat dalam. Sebagai salah satu bahasa warisan bangsa kita, bahasa ini perlu diketahui dan dipelajari.

“Adat Istiadat Diraja Brunei yang lama maseh di-hormati, samoga dengan tulisan ini akan dapat menjadi panduan kepada mereka yang ingin mengikuti keadaan Brunei tua yang gemilang.”

(P.M. Yusof. “Adat Istiadat Diraja Brunei Darussalam,” petikan buku *The Brunei Museum Journal Vol. 3, No. 3* 1975).

Pepatah Melayu ada mengatakan, Tak lekang oleh panas tak lapuk oleh hujan, yang maksudnya adat yang tidak berubah; sesuatu yang tetap utuh begitulah diibaratkan dengan keaslian bahasa yang

digunakan di istana, walaupun bahasa ini telah digunakan turun-temurun, namun bahasa tersebut masih tetap digunakan hingga ke hari ini. Keluaran *Riak Bahasa* kali ini akan memuatkan beberapa perkataan bahasa Dalam yang digunakan dalam lingkungan istana di Negara Brunei Darussalam.

*Bahasa jiwa bangsa  
Bahasa identiti bangsa  
Bahasa menunjukkan bangsa  
Bahasa pemersatu bangsa*

**Awang Hanafiah bin Haji Awang Zaini**  
*Ketua Pembinaan dan Pengembangan Bahasa*  
2006

# Kata Pemerl 'ialah' dan 'adalah' dalam Bahasa Melayu

*Awangku Ashwadol Bahri Pengiran Yaakub*  
*Unit Pengembangan Bahasa*

Di dalam bahasa Melayu, perkataan '*ialah*' dan '*adalah*' termasuk dalam jenis kata prafraza golongan kata tugas. Penggunaannya amat kerap dalam bahasa Melayu dan sebagai kata kerja dalam sesuatu ayat seperti penggunaan kata '*is*' dan '*are*' dalam ayat bahasa Inggeris. Kedua-dua kata ini sebenarnya digunakan dalam bentuk yang berlainan seperti penerangan berikut:

1. Kata pemerl '*adalah*' hanya boleh digunakan apabila ia diikuti oleh kata sendi nama seperti untuk, pada, dalam, dari, daripada, dengan, dan sebagainya.

Contoh ayat:

- a) Cenderamata ini *adalah* untuk guru cemerlang itu.
- b) Matlamat utama cawangan ini *adalah* untuk menyebarkan dan memperluaskan penggunaan tulisan Jawi di negara ini.

Manakala '*ialah*' pula digunakan di hadapan perkataan atau rangkai kata yang berupa kata nama atau frasa nama, yakni perkataan atau rangkai kata yang menyatakan nama sesuatu benda, keadaan, pekerjaan, konsep dan sebagainya.

Contoh ayat:

- a) Perkara ini *ialah* satu masalah yang rumit untuk diatasi.
- b) Masalah yang kita hadapi *ialah* kekurangan peralatan yang sesuai.

2. Kata pemerl '*adalah*' juga digunakan di hadapan kata adjektif, iaitu kata atau rangkai kata yang menunjukkan sifat sesuatu.

Contohnya:

- a) Keputusan itu *adalah* tidak adil.
- b) Kenyataan itu *adalah* benar.

Walau bagaimanapun, tidak semua ayat di dalam bahasa Melayu memerlukan kata pemeris '*ialah*' dan '*adalah*'. Ada yang boleh berdiri sendiri tanpa merosakkan struktur dan makna sesuatu ayat. Perkataan '*adalah*' dalam ayat tadi hanya digunakan sebagai penegas. Ayat pada contoh tadi lebih kemas jika ditulis seperti di bawah ini:

- a) Keputusan itu tidak adil.
- b) Kenyataan itu benar.

3. Perkataan '*adalah*' tidak sesuai digunakan pada awal sesuatu ayat.

Contoh Ayat:

- a) *Adalah* dengan ini dimaklumkan bahawa kerja-kerja pemasangan paip air baru telah selesai.
- b) *Adalah* diumumkan bahawa Awang telah layak dalam pemilihan peserta Kapal Belia pada tahun ini.

Penggunaan '*adalah*' juga tidak sesuai malah tidak boleh diikuti oleh kata kerja, seperti merupakan, melambangkan, berasaskan dan sebagainya. Ungkapan '*adalah merupakan*' amat digemari oleh pengguna bahasa Melayu, biasanya ia diikuti oleh kata nama atau frasa nama.

Contoh ayat:

- a) Universiti Brunei Darussalam *adalah merupakan* sebuah pusat pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam.

Perkataan '*adalah*' dalam contoh di atas sememangnya tidak sesuai digunakan. Hanya perkataan '*merupakan*' atau '*ialah*' boleh digunakan.

Contohnya:

- a) Universiti Brunei Darussalam *merupakan* / *ialah* sebuah pusat pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam.
4. Walau bagaimanapun, dalam laras bahasa ilmiah khususnya ilmu sains, '*adalah*' diperlukan dalam memberikan definisi atau penjelasan.

Contoh ayat:

- a) Fungsi utama tulang *adalah* sebagai pelindung organ utama seperti sistem saraf pusat, jantung dan paru-paru.
- b) Glukosa *adalah* gula ringkas yang terdapat dalam buah-buahan atau madu.
5. Kata pemerai '*ialah*' dan '*adalah*' digunakan apabila hendak menekankan atau menegaskan sesuatu.

Contoh ayat:

- a) Yang bermotosikal besar itu *ialah* kawan saya.
- b) Hujah pendebat ketiga itu *adalah* sangat tepat.

Ayat 5a) bermaksud, antara orang yang ramai itu, orang yang memakai motosikal besar itulah kawannya, bukan yang lain. Begitu juga halnya dengan ayat 5b). Ayat ini menekankan bahawa antara beberapa orang pendebat yang berdebat, hanya pendebat yang ketiga yang tepat hujahnya.

6. '*ialah*' dan '*adalah*' juga berfungsi sebagai pemisah antara subjek dengan predikat.

Contoh ayat:

- a) Negara Brunei Darussalam *ialah* sebuah negara yang kaya dengan hasil minyaknya.
- b) Cenderamata dalam bungkusan merah itu *adalah* untuk tetamu undangan luar negeri sahaja.

# Bentuk Huruf dan Cara Penulisan Huruf-huruf Jawi

*Haji Alipudin Haji Omarkandi  
Unit Pembinaan Bahasa*

*Riak Bahasa* Bilangan 2 telah memuatkan ciri-ciri huruf Jawi dalam kelompok A. Dalam siri ini pula, akan disentuh huruf Jawi yang termasuk dalam **Ciri-ciri Kelompok B**, seperti yang berikut:

- a) Huruf-huruf Jawi dalam kelompok ini tidak boleh disambung sebelumnya dengan huruf-huruf dalam kelompok A. Contohnya:

(debar)	دبر	- huruf ب tidak boleh disambung dengan huruf ذ sebelumnya.
(ajar)	اجر	- huruf ج tidak boleh disambung dengan huruf ا sebelumnya.
(kupas)	كوقس	- huruf ق tidak boleh disambung dengan huruf و sebelumnya.
(zuhud)	زهد	- huruf ه tidak boleh disambung dengan huruf ز sebelumnya.
(rendang)	رندغ	- huruf ن tidak boleh disambung dengan huruf ر sebelumnya.
(izin)	ايدين	- huruf ي tidak boleh disambung dengan huruf ا dan ذ sebelumnya.

- b) Huruf-huruf dalam kelompok ini boleh disambung selepasnya dengan huruf-huruf dalam kelompok A. Contohnya:

(kaku)	كاكو	- huruf ك boleh disambung dengan huruf ا dan و selepasnya.
(fardu)	فرض	- huruf ف boleh disambung dengan huruf ر selepasnya.
(sebati)	سباتي	- huruf ب boleh disambung dengan huruf ا selepasnya.
(tertawa)	ترتاوا	- huruf ت boleh disambung dengan huruf ر dan ا selepasnya.



- (aurat) عورت - huruf ع boleh disambung dengan huruf و selepasnya.
- (televisyen) تيليزين - huruf ي boleh disambung dengan huruf و selepasnya.
- (mazhab) مذهب - huruf م boleh disambung dengan huruf ذ selepasnya.

c) Perkataan yang dibina daripada huruf-huruf dalam kelompok ini ditulis bersambung. Contohnya:

Sembahyang	سمبهڠ
Pimpin	ڤيمڤين
Gambir	گمبير
Jambangan	جمبڠن
Kemiskinan	كميسكين
Mengemaskinkan	مغمسكينينكن

Pada keluaran akan datang, ciri-ciri huruf Jawi dalam kelompok C akan disentuh, insya-Allah.

بهاس جیوا بهاسا

# Senarai Istilah Teknologi Maklumat: Masyarakat, Pengurusan dan Aplikasi

*Cawangan Peristilahan*

<b>Bil.</b>	<b>Bahasa Inggeris</b>	<b>Bahasa Melayu</b>
1	<i>acceptable usage policy (AUP)</i>	dasar penggunaan boleh terima
2	<i>analysis and design tool</i>	alat analisis dan reka bentuk
3	<i>automated data entry</i>	entri data berautomat
4	<i>bandwidth</i>	kelebaran jalur
5	<i>batch updating</i>	pengemaskinian kelompok
6	<i>business process reengineering (BPR)</i>	kejuruteraan semula proses niaga (BPR)
7	<i>checklist approach</i>	pendekatan senarai semak
8	<i>client-server database</i>	pangkalan data pelanggan-pelayan
9	<i>communication network device</i>	peranti rangkaian komunikasi
10	<i>corporate espionage</i>	pengintipan korporat
11	<i>data encryption sandard</i>	piawai penyulitan data
12	<i>data redundance</i>	lewahan data
13	<i>database management system (DBMS)</i>	system pengurusan pangkalan data (DBMS)
14	<i>electronic data exchange</i>	pertukaran data elektronik
15	<i>enhanced graphic adapter (EGA)</i>	penyesuai grafik dipertingkat (EGA)
16	<i>external hard disk</i>	cakera keras luaran
17	<i>feasibility analysis</i>	analisis kebolehlaksanaan
18	<i>file transfer protocol (FTP)</i>	system pemindahan fail (FTP)
19	<i>Freeware</i>	perisian percuma

<b>Bil.</b>	<b>Bahasa Inggeris</b>	<b>Bahasa Melayu</b>
20	<i>Gantt chart</i>	carta Gantt
21	<i>graphical user interface (GUI)</i>	antara muka pengguna grafikal (GUI)
22	<i>high-level language</i>	bahasa aras tinggi
23	<i>hybrid computer</i>	system kacukan
24	<i>Hypermedia</i>	hipermedia
25	<i>image cropping</i>	cantasan imej
26	<i>international standard organization (ISO)</i>	organisasi piawai antarabangsa (ISO)
27	<i>IS strategic planning process</i>	proses perancangan strategik system maklumat
28	<i>junk e-mail</i>	e-mel remeh
29	<i>junk mail</i>	mel remeh
30	<i>kerning</i>	pengkeranaan
31	<i>knowledge engineering</i>	kejuruteraan pengetahuan
32	<i>landscape orientation</i>	orientasi lengkap
33	<i>liquid crystal display (LCD)</i>	paparan kristal cecair (LCD)
34	<i>market data</i>	data pasaran
35	<i>multimedia technology</i>	teknologi multimedia
36	<i>neural network</i>	rangkaian neural
37	<i>novice user</i>	pengguna baru
38	<i>off-the-shelf application software</i>	perisian aplikasi lambak
39	<i>operating system (OS)</i>	system pengendalian (OS)
40	<i>portfolio management</i>	pengurusan portfolio
41	<i>pull-down menu</i>	menu tarik turun
42	<i>quality management system</i>	sistem pengurusan mutu
43	<i>query facility</i>	kemudahan pertanyaan
44	<i>randomizing</i>	perambangan
45	<i>relational operation</i>	pengendalian hubungan
46	<i>scattered graph</i>	graf selerak

<b>Bil.</b>	<b>Bahasa Inggeris</b>	<b>Bahasa Melayu</b>
47	<i>system integration</i>	penyepaduan sistem
48	<i>third generation computer</i>	komputer sumber ketiga
49	<i>turnkey system</i>	sistem siap guna
50	<i>uniform resource locator (URL)</i>	pelokasi generasi seragam (URL)
51	<i>user interface design</i>	reka bentuk antara muka pengguna
52	<i>utility program</i>	atur cara utiliti
53	<i>video graphic array (VGA)</i>	tatasusunan grafik video (VGA)
54	<i>virtual reality</i>	hakikat maya/realiti maya
55	<i>voice synthesizer</i>	pensintesis suara
56	<i>web based learning</i>	pembelajaran berasaskan jaringan
57	<i>wide area network (WAN)</i>	rangkaian kawasan luas (WAN)
58	<i>write once read many (WORM)</i>	tulis sekali baca banyak (WORM)
59	<i>X window</i>	jejendela X
60	<i>Y2K</i>	Y2K

Rujukan: *Istilah Teknologi Maklumat dalam Masyarakat Pengurusan Aplikasi*, DBP, Negara Brunei Darussalam 2002.

# Kenali Bahasa Melayu Brunei

## *Cawangan Perkamusan*

**abak; abak-abak** bergerak kembang kempis (tentang jantung);

berdebar: ~ *atingku mendengar bungi tamparik atu*;

**mengabak** berdebar: ~ *atingku mendengar barita kaluarga atu*.

**aban** perangkap monyet berbentuk seperti reban ayam yang dibuat daripada buluh dan berinjap di bahagian atas.

**aimulah** kata yang digunakan untuk menyebut orang Islam yang sudah meninggal dunia; yamulah: ~ *Kalsum*; ~ *nini*.

**bangal** keadaan gangguan pada saluran telinga (kerana kemasukan air, demam, dan sebagainya) yang menyebabkan kurang jelas pendengaran.

**biangsung** kerang-kerangan laut yang biasanya melekat pada tiang, dasar perahu, dan lain-lain; tertitip.

**bintang** bekas yang berbentuk bulat bertudung, bertampuk dan dibuat daripada kayu atau tembaga, digunakan untuk menyimpan makanan; ~ **petian** sejenis alat kebesaran diraja.

**cakah 1** suka dan rajin bekerja: *anak daranya andangnya ~*;

**2** ada tenaga; ada upaya: *lakat lagi nini ~ waimapun umurnya 90 taun*; *balum ~* belum pulih sepenuhnya (sesudah melahirkan anak);

**cakah-cakah** cakah: ~ *bekaraja ani, jangan luan malas*.

**cangak; mencangak 1** mencekik; **2** (kiasan) memeras; menindas; menyensarakan; menyeksakan: *harga barang makanan yang melambung ~ penduduk yang miskin*;

**tercangak** tercekik;  
**cangakan** cekikan;  
**pencangak 1** orang yang mencangak; **2** alat untuk mencangak.

**dundung** tidak mahu berbuat apa-apa; malas; lundung: *membari malas kanak-kanak karang ani, ~ , mun disuruh atu.*

**dudus; berdudus** (sudah) dipotong atau dikerat;  
**mendudus** memotong (mulut ikan, hujung kayu, dan lain-lain):  
~  
*mulut lauk;*  
**dudusan** potongan; keratan;  
~ **lauk** potongan mulut ikan;  
**pendudus** alat untuk mendudus.

**guntung; berguntung** tidak terus-menerus; ada jaraknya atau ada antaranya; berselang: ~ *ari* berselang hari.

**gulimaran** kulit yang terkopak kerana terlalu lama berjemur di panas matahari;  
**bergulimaran** bertukar kulit kerana gulimaran; ~ *balakangnya bagas berjamur di pantai.*

**gulmat** sangat gelap (ttg cuaca dsb).

**gumanta** riuh; bising;  
**bergumanta** berbunyi riuh-rendah.

# Senarai Perkataan Bahasa Dalam

## *Cawangan Perkamusan*

**aluan** sembah pertama semasa mula-mula masuk dan duduk di dalam sesuatu Majlis Beristiadat.

**ampun beribu ampun** 1 seseorang itu hendak menghalakan sesuatu sembah kepada Sultan atau Raja Isteri atau Pengiran Isteri menjunjung perhatian Baginda; 2 orang yang berdatang sembah sedemikian itu hendak menyatakan titah yang disampaikan kepada Sultan atau Raja Isteri itu kurang jelas; 3 seseorang yang berdatang sembah sedemikian telah memahami apa yang telah dititahkan atau menyanggupi titah.

**anjung** sesuatu tempat di ruang rumah atau sebagainya ditinggikan dari lantainya tetapi masih lagi di dalam ruang tingkat rumah itu. Tempat ini biasanya didiami oleh perempuan-perempuan yang belum berkahwin atau tempat yang dikhaskan bagi pemudi-pemudi.

**bagas-bagasan** kiasan yang diuntukkan kepada sesuatu perbuatan yang mengandungi barang baik tetapi disifatkan barang itu sebagai sesuatu yang telah dipakai: ~ *pakaian* maksudnya pakaian yang dijadikan hadiah itu disifatkan tidak begitu baik padahal sebenarnya baik.

**barang-barung** rumah, perkataan ini digunakan pada masa hendak menyebutkan kepada keluarga diraja termasuk wazir, cheteria dan pengiran.

**beradu** tidur, perkataan ini digunakan untuk keluarga diraja dan pengiran-pengiran: *Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda masih ~ belum tah lagi Pehin dapat mengadap.*

**kaola 1** kata ganti nama diri pertama apabila bercakap dengan Pehin Menteri; **2** kata ganti nama diri pertama (bagi perempuan) apabila bercakap dengan pengiran kecuali kepada putera atau puteri sultan yang gahara.

**puspa** naik takhta kerajaan; bertabal.

**dipuspakan** ditabalkan; dinobatkan; dimahkotakan. Contoh penggunaan ayat: *Wazir menjunjung Sultan berangkat ke Lapau Diraja untuk dipuspakan.*

**sabda** kata atau perkataan yang diucapkan oleh wazir-wazir dan ceteria-ceteria.

**titah** kata atau kata-kata yang diucapkan oleh seorang raja yang sedang memerintah negara yang merdeka dan berdaulat atau kata atau perintah raja. Di Negara Brunei Darussalam perkataan titah hanya ditujukan kepada ucapan Sultan dan Raja Isteri.

---

Rujukan: *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* 2003, buku *Adat Mengulum Bahasa*, Yura Halim, 2006. Appendeks 'A1' Bahasa Dalam, terbitan Jabatan Adat Istiadat Brunei.



# Kata Ulang/Kata Ganda

*Mauludiah Haji Md. Yusof*  
*Cawangan Perkamusan*

Kata ulang/kata ganda bererti pengulangan kata dasar sama ada pada sebahagian atau seluruhnya.

Sebab berlakunya pengulangan pada kata dasar ini adalah untuk:

- a) Menunjukkan maksud jumlah yang banyak.  
Contoh: *Kereta-kereta* itu hendak dijual.  
*Cawan-cawan* itu belum dibasuh lagi.
- b) Menunjukkan maksud tunggal atau satu.  
Contoh: *Labi-labi* itu dilepaskan semula ke dalam paya.  
*Reriang* jantan berbunyi dengan nyaring menjelang senja.
- c) Menunjukkan maksud *perbuatan yang berulang-ulang, berbalas-balas* atau berpanjangan.  
Contoh: Masyarakat di kampung itu *bantu-membantu* antara satu sama lain.  
Pelumba kereta itu *potong-memotong* untuk muncul sebagai juara.

Kata ulang terbahagi kepada empat bentuk iaitu kata ulang semu, kata ulang separa, kata ulang berentak dan kata ulang berimbuhan.

Berikut dihuraikan bentuk-bentuk kata ulang tersebut:

## 1. Kata Ulang Semu (Penggandaan Penuh)

Bererti pengulangan kata dasar yang digandakan keseluruhannya.

Contoh:

Kata nama	Kata adjektif	Kata Kerja	Kata Keterangan
agar-agar	baik-baik	baring-baring	alang-alang
ampai-ampai	baru-baru	duduk-duduk	awal-awal
anai-anai	besar-besar	makan-makan	baik-baik
angan-angan	cantik-cantik	muntah-muntah	betul-betul
angkut-angkut	comel-comel	pulang-pulang	bukan-bulan
anting-anting	enak-enak	tidur-tidur	bulat-bulat
api-api	gagah-gagah		cepat-cepat
berang-berang	gemuk-gemuk		dekat-dekat
beri-beri	handal-handal		hampir-hampir
biri-biri	hebat-hebat		hari-hari
gado-gado	jinak-jinak		jangan-jangan
gula-gula	kaya-kaya		jarang-jarang
jentik-jentik	kecil-kecil		kadang-kadang
kanak-kanak	kurus-kurus		kira-kira
klip-klip	lebar-lebar		laju-laju
kisi-kisi	manis-manis		masak-masak
kunang-kunang	marah-marah		nyaris-nyaris
kupu-kupu	muda-muda		pagi-pagi
kura-kura	mudah-mudah		paling-paling
layang-layang	nakal-nakal		panas-panas
mata-mata	pedas-pedas		perlahan-lahan
pijat-pijat	pintar-pintar		pertama-tama
rama-rama	ragu-ragu		sedikit-sedikit
ubun-ubun	rajin-rajin		sekali-kali
ubur-ubur	sehat-sehat		sia-sia
ura-ura	tinggi-tinggi		subuh-subuh
	tua-tua		terang-terang

Jika kata ulang semu yang terdiri daripada kata nama yang membawa maksud banyak, maka kata ulangnya tidak perlu disebutkan. Contoh:

Salah	Betul
Empat ekor <i>burung-burung</i> pipit hinggap di pagar.	Empat ekor <i>burung</i> pipit hinggap di pagar.
Semua <i>murid-murid</i> beratur di padang sekolah.	Semua <i>murid</i> beratur di padang sekolah.
Beribu-ribu <i>peminat-peminat</i> membanjiri Stadium Hassanal Bolkiah untuk menyaksikan perlawanan bola.	Beribu-ribu <i>peminat</i> membanjiri Stadium Hassanal Bolkiah untuk menyaksikan perlawanan bola.

Jika kata ulang semu terdiri daripada kata adjektif, maka kata nama yang diterangkan itu tidak perlu digandakan. Contoh:

Salah	Betul
<i>Anak-anak</i> Awang Samat itu baik-baik belaka.	<i>Anak</i> Awang Samat itu baik-baik belaka.
Dalam majalah <i>Mekar</i> itu terdapat <i>ayat-ayat</i> yang mudah difahami.	Dalam majalah <i>Mekar</i> itu terdapat ayat yang <i>mudah-mudah</i> difahami.

## 2. Kata Ulang Separa (Penggandaan Separa)

Bererti: Pengulangan kata dasar yang digandakan sebahagiannya. Contoh:

<b>Kata nama</b>	bebawang, bebenang, bebuli, dedau, gegendang, jejari, jejentik, kekabu, kekisi, kekuda, lelabah, lelabi, lelabu, lelaki, lelangit, pepijat, sesiku, tetamu, tetupai
------------------	---

### 3. Kata Ulang Berentak (Penggandaan Berentak)

Bererti: Pengulangan kata yang berirama, mengikut perubahan bunyi iaitu dengan penambahan kata yang berbeza daripada kata dasarnya.

Kata nama	Kata adjektif	Kata Kerja	Kata Keterangan
awan-gemawan batu-batan bukit-bakau calar-balar carut-marut cirit-birit desas-desus gerak-geri gunung-ganang kayu-kayan kuih-muih rempah-ratus rumput-rumpai sampah-sarap sayur-mayur sedu-sedan semak-samun sorak-sorai suku-sakat tanah-tanah tindak-tanduk	bengkok-bengkok compang-camping gopoh-gapah gundah-gulana haru-biru hingar-bingar hiruk-pikuk kacau-bilau karut-marut kucar-kacir kusut-masai lekak-lekuk licin-licau porak-peranda ramah-tamah riuh-rendah segar-bugar serbah-serbih terang-benderang	bertungkus-lumus bolak-balik cerai-berai kumat-kamit lalu-lalang mandi-manda mundar-mandir pindah-randah ulang-alik	lambat-laun lintang-kedak lintang-pukang kontang-kanting serta-merta tunggang-langgang

### 4. Kata Ulang Berimbuhan (Penggandaan Berimbuhan)

Bererti: Pengulangan kata yang menerima pengimbuhan baik awalan, akhiran, apitan atau sisipan.

Contoh:

awalan	<i>berangan-angan, mengangguk-angguk, teragak-agak, asak-mengasak, berjalan-jalan</i>
akhiran	<i>bau-bauan, rupa-rupanya, daun-daunan, tumbuh-tumbuhan, besar-besaran</i>
apitan	<i>keanak-anakan, sebaik-baiknya, sehari-harian, melambat-lambatkan, kunjung-mengunjungi</i>
sisipan	<i>tali-temali, turun-temurun</i>

Berikut diberikan perkataan-perkataan dalam kelompok kata ulang berimbuhan mengikut kelasnya.

<b>Kata nama</b>	<b>Kata adjektif</b>	<b>Kata Kerja</b>	<b>Kata Keterangan</b>
<i>bau-bauan</i>	<i>besar-besaran</i>	<i>berangan-angan</i>	<i>habis-habisan</i>
<i>biji-bijian</i>	<i>keanak-anakan</i>	<i>berbagai-bagai</i>	<i>lama-kelamaan</i>
<i>bunga-bunga</i>	<i>kebiru-biruan</i>	<i>berbaik-baik</i>	<i>mati-matian</i>
<i>daun-daunan</i>	<i>kebudak-budakan</i>	<i>berbeza-beza</i>	<i>mudah-mudahan</i>
<i>harum-haruman</i>	<i>kecil-kecilan</i>	<i>berbisik-bisik</i>	<i>rasa-rasanya</i>
<i>hidup-hidupan</i>	<i>kegila-gilaan</i>	<i>berbual-bual</i>	<i>rupa-rupanya</i>
<i>kayu-kayuan</i>	<i>kehairan-hairanan</i>	<i>berderai-derai</i>	<i>sebaik-baiknya</i>
<i>main-mainan</i>	<i>kehijau-hijauan</i>	<i>berderet-deret</i>	<i>seelok-eloknya</i>
<i>orang-orangan</i>	<i>kehitam-hitaman</i>	<i>berdikit-dikit</i>	<i>sehari-harian</i>
<i>padi-padian</i>	<i>kekuning-kuningan</i>	<i>berduyun-duyun</i>	<i>selama-lamanya</i>
<i>puji-pujian</i>	<i>kemerah-merahan</i>	<i>berebut-rebut</i>	<i>selambat-lambatnya</i>
<i>rumah-rumahan</i>	<i>kemalu-maluan</i>	<i>bergerak-gerak</i>	<i>semalam-malaman</i>
<i>sayur-sayuran</i>		<i>bergilir-gilir</i>	<i>setidak-tidaknya</i>
<i>tumbuh-tumbuhan</i>		<i>berguling-guling</i>	
<i>ubat-ubatan</i>		<i>berhati-hati</i>	
<i>wangi-wangian</i>		<i>berhimpit-himpit</i>	
		<i>berjalan-jalan</i>	
		<i>berpusu-pusu</i>	

Rujukan: *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* 2003, *Petunjuk Bahasa Malaysia Baku*, Asraf 1989, *Tatabahasa KBSR* 2004.

# Pengenalan Ringkas: *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*

*Mauludiah Haji Md. Yusof*  
*Cawangan Perkamusan*

*“Saya amat bersyukur dan berbangga kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang secara kebetulan memasuki usia dekat keempat telah berjaya menerbitkan **Kamus Bahasa Melayu Nusantara**. Kamus ini memuatkan kosa kata yang berasal dari ketiga-tiga buah Negara iaitu Brunei Darussalam, Indonesia, dan Malaysia.”* Petikan ucapan Majlis Pelancaran **Kamus Bahasa Melayu Nusantara** oleh Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, 2004.

Bahasa Melayu Brunei, Bahasa Melayu, dan Bahasa Indonesia tergolong ke dalam cabang bahasa Nusantara yang diturunkan daripada keluarga Austronesia. Ketiga-tiga bahasa ini berkongsi sama dalam kosa kata, meskipun demikian kadang-kadang berlaku perbezaan dari segi ejaan, sebutan dan makna perkataan, ini berlaku disebabkan beberapa faktor umpamanya dari segi perkembangan budaya, kedudukan geografi dan keadaan semasa yang telah mewujudkan sedikit perbezaan dari segi fonemik, ortografi, morfologi, semantik, dan sebagainya.

Keadaan seumpama ini telah menimbulkan idea supaya disusun sebuah kamus yang memuatkan kosa kata ketiga-tiga bahasa ini dalam sebuah kamus. Memang diakui untuk istilahnya “mengahwinkan” atau menyatukan tiga bahasa dalam satu bahasa Melayu yang boleh difahami maknanya oleh semua masyarakat Melayu di Nusantara tidaklah semudah yang diucapkan.

Kamus ini ditangani dengan kerjasama para pakar projek dari ketiga-tiga negara iaitu Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia. Projek ini dipantau oleh koordinator dari Negara Brunei Darussalam sendiri manakala urusan penyusunan diusahakan oleh Cawangan Perkamusan yang juga turut menunduki kamus ini. Kamus ini memuatkan 105 000 kosa kata dari bahasa Melayu serumpun yang merangkumi kira-kira 47 000 lema pokok, 26 000 sublema, 3900

peribahasa, 600 kiasan, dan 27 000 frasa/kiasan. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* mengandungi 3049 halaman, dan disusun mengikut urutan abjad A-Z.

Objektif kamus ini:

1. Memahami makna kata yang digunakan oleh mana-mana negara.
2. Mengelakkan penggunaan kata yang mempunyai makna berkonotasi.
3. Mengatasi sebarang keraguan.
4. Mengetengahkan bahasa Melayu Brunei dalam sebuah penerbitan yang lebih luas penyebarannya.
5. Sebagai khazanah bahasa Melayu di samping sebagai lambang kemegahan kepada bangsa Melayu terhadap bahasa.

*Kamus Bahasa Melayu Nusantara* dilancarkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada 27 Mac 2004/6 Safar 1425 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Brunei Darussalam.

Kamus ini merupakan sumbangan penting Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama mendukung menyebarkan bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam serta di seluruh dunia.

---

Rujukan: *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 2003, DBP, Brunei.

# ***Khidmat Kamus Bahasa Melayu Nusantara:*** **Makna *Bahasa* dan Jenis-jenisnya**

*Cawangan Perkamusan*

*Bahasa 1* sistem lambang bunyi yang arbitrari yang digunakan oleh seseorang individu dengan individu yang lain dalam sesuatu masyarakat sebagai alat perhubungan untuk bekerjasama, berinteraksi, melahirkan idea dan pendapat, mengidentifikasikan diri dsb; *2* percakapan (perkataan) yang baik; tingkah laku yang baik; sopan santun: baik budi ~ nya;. Jenis-jenis bahasa:

- Bahasa aglutinatif* Jenis bahasa yang pembentukan katanya melalui proses pengimbuhan pada akar kata.
- Bahasa akusatif* Jenis bahasa yang mempunyai penanda eksplisit untuk objek langsung, misal bahasa Inggeris yang mempunyai ayat seperti *They kill him*, kata *him* ialah bentuk akusatif daripada kata *he*.
- Bahasa alamiah* Bahasa yang digunakan oleh manusia dalam keadaan semula jadi (bukan bahasa buatan atau bahasa mesin).
- Bahasa analitik* Jenis bahasa yang menyatakan pelbagai segi nahu terutamanya dengan kata terpisah dan urutan kata.
- Bahasa asing* Bahasa milik bangsa lain yang dikuasai biasanya melalui pendidikan formal dan yang secara sosiobudaya tidak dianggap sebagai bahasa sendiri.
- Bahasa bagongan* Bahasa Jawa ragam keraton.
- Bahasa baku* Bahasa yang teratur dan mantap dalam pelbagai aspeknya (seperti ejaan, bentuk kata, dan tatabahasa), digunakan dalam situasi rasmi dan diterima oleh masyarakat sebagai norma penggunaan yang betul atau sah.
- Bahasa basahan* Ragam bahasa yang digunakan dalam percakapan sehari-hari (bukan bentuk ucapan atau tulisan rasmi); bahasa percakapan.
- Bahasa bermajas* Bahasa yang menggunakan kata-kata yang susunan dan ertinya sengaja disimpan dengan maksud mendapatkan kesegaran dan kekuatan ekspresi.



<i>Bahasa besar</i>	Bahasa yang sangat besar bilangan penggunaannya di dunia; bahasa yang tergolong sebagai salah satu bahasa utama di dunia.
<i>Bahasa buatan</i>	1 bahasa yang direka dengan tujuan khusus untuk memperbaiki komunikasi internasional; 2 sistem kod berupa lambang-lambang abstrak seperti yang digunakan dalam pemrograman komputer; 3 bahasa yang direka atau dibuat orang untuk penggunaan tertentu, misal bahasa Esperanto dan bahasa yang digunakan dalam logik simbolik atau untuk penggunaan komputer.
<i>Bahasa buku</i>	Ragam bahasa yang digunakan dalam karangan-karangan bertulis.
<i>Bahasa daerah</i>	1 bahasa yang lazim digunakan dalam sesebuah daerah; bahasa suku, seperti bahasa Batak, bahasa Jawa, dan bahasa Sunda.
<i>Bahasa dalam</i>	Bahasa kehormatan yang digunakan di istana raja, seperti beradu, bersiram, gering, mangkat, dan santap.
<i>Bahasa dunia</i>	Bahasa yang digunakan oleh jumlah orang yang amat besar bilangannya di merata dunia (seperti bahasa Inggeris).
<i>Bahasa fleksi</i>	Bahasa yang kata-katanya mengalami perubahan bentuk sehubungan dengan perubahan jenis, subjek, waktu, dan sebagainya.
<i>Bahasa gunung</i>	Ragam bahasa Melayu yang digunakan oleh petani, orang desa, dan sebagainya.
<i>Bahasa halus</i>	Bahasa atau perkataan lain yang lebih lembut yang digunakan untuk menggantikan perkataan yang dirasakan kasar atau menyentuh perasaan orang lain (misal meninggal dunia untuk menggantikan perkataan mati).
Bahasa hantu	Bahasa (kata-kata) yang biasanya digunakan oleh pawang.
Bahasa hari-hari	Ragam bahasa yang digunakan dalam bahasa sehari-hari; Bahasa percakapan.

---

Rujukan: *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 2003, DBP, Brunei, muka surat 192-195.

# Penjodoh Bilangan

Mauludiah Haji Md. Yusof  
Cawangan Perkamusan

Penjodoh Bilangan adalah perkataan yang digunakan berpasangan dengan kata nama apabila menunjukkan bilangan, seperti ekor untuk binatang, helai untuk kertas dan biji untuk buah.

Bagaimanakah caranya penjodoh bilangan itu ditentukan, cara yang mudah adalah dengan mengenal *bentuk* benda tersebut umpamanya bulat, panjang, runcing, atau dengan mengenal *sifat* semulajadi umpamanya binatang memiliki ekor, bintang berkelip-kelip, atau mengenal *cara* pembuatan yang sudah lazim umpamanya sate dicucuk, pasir digenggam dan sebagainya.

Berikut diberikan perkataan dan kegunaannya serta penjodoh bilangannya:

Perkataan	Digunakan untuk membilang	Penjodoh bilangan untuk
berkas	benda yang diikat menjadi satu ikatan atau susunan beberapa benda.	lidi, batang padi, rotan, kayu api.
bidang	benda yang luas, lebar dan rata atau ukuran panjang.	tanah, sawah, tikar, layar, kulit.
bilah	semua jenis senjata atau benda tajam yang runcing, pipih dan panjang, dan kepingan yang dibelah panjang dan tipis.	lembing, pisau, kapak, buluh, kayu, rotan.
buah	benda yang tidak tentu bentuknya atau jenisnya atau benda yang besar dan padu.	buku, rumah, kenderaan, bandar, negeri, perabot.
buku	benda yang berketul atau bongkahan, ketulan atau gumpalan kecil.	roti, sabun, benang, garam, gula, tanah.
cekak	benda yang dipegang secara mencekak.	daun pandan, benih padi, daun sirih, pucuk paku.
cubit	benda yang diambil sedikit sahaja.	garam, pulut, gula.

cucuk	benda yang dicucuk.	sate.
das	bunyi das tembakan atau letupan.	pistol, meriam, senapang.
gelung	benda yang panjang dan berlingkar.	dawai, tali, rotan.
genggam	benda dalam kepalan tangan.	pasir, beras, tanah.
helai	benda yang lebar dan nipis.	daun, baju, kertas.
ikat	benda yang diikat, dengan tujuan menggabung jadi satu ikatan.	kayu, sayur-sayuran, daun sirih, buah.
iris	benda yang dipotong nipis-nipis (biasanya menggunakan pisau tajam).	bawang, ulam-ulam, daging, lada, daun pandan.
das	bunyi dan tembakan atau letupan.	pistol, meriam, senapang.

---

Rujukan: *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* 2003, *Petunjuk Bahasa Malaysia Baku*, Asraf 1989, *Tatabahasa KBSR* 2004.

# Borang Cadangan

Nama: .....

Alamat: .....

.....

.....

No. Telefon: .....

Sila kemukakan sebarang usul dan pandangan biskita

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Alamatkan kepada:

Cawangan Perkamusan  
Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510  
Negara Brunei Darussalam

Tel: 2235501 sambungan 510 Faks: 2225697